

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) jumlah kutipan GST sehingga 31 Disember 2015 dan kemanakah hasil tersebut disalurkan; dan

(b) apakah sasaran kutipan GST tahun 2016 dan rancangan untuk mengurangkan kadar GST supaya dapat mengurangkan beban rakyat.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bersih kutipan GST iaitu

setelah mengambilkira tuntutan kredit ke atas GST diperingkat input perniagaan bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Hasil kutipan GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan pengagihannya dibuat melalui peruntukan bajet tahunan untuk pembangunan negara. Antara projek pembangunan yang menjadi tumpuan adalah memajukan sektor pendidikan, kesihatan dan infراكstruktur moden untuk manfaat rakyat. Kerajaan juga menyediakan bantuan tunai (BR1M) kepada golongan sasar untuk membantu menampung kos sara hidup.

(b) Bagi tahun 2016, hasil kutipan bersih GST adalah dianggarkan sebanyak RM39 bilion. Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang pada masa ini yang telah ditetapkan pada kadar 6 peratus. Ini kerana sebelum pelaksanaan GST, kajian yang terperinci telah dibuat untuk memastikan kadar GST yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian dengan mengambilkira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan 10 peratus bagi barangan dan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi perkhidmatan. Disamping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi

sumbangan hasil daripada sektor tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah diambilkira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

SOALAN : 488

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) tindakan Kerajaan bagi memastikan kes nahas pesawat MH17 dibawa ke muka pengadilan antarabangsa; dan
- (b) berapakah jumlah tuntutan waris mangsa MH17 dan melalui sumber mana tuntutan tersebut dijelaskan.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

- (a) Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam *Joint Investigation Team* (JIT) sedang meneruskan perbincangan bagi 2 opsyen pendakwaan yang telah dikenalpasti bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh MH17 dibawa ke muka pengadilan. 2 opsyen tersebut adalah pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT dan pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT. Bagi maksud keputusan antara kedua-dua opsyen tersebut, hasil siasatan jenayah perlu diperolehi terlebih dahulu kerana ia akan menjelaskan tempat pemastautinan orang yang disyaki, kewarganegaraannya dan tempat terbaik untuk mereka dibicarakan. Buat masa ini, siasatan jenayah masih dijalankan oleh JIT yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine dan dijangka akan berterusan sehingga pertengahan tahun 2016.
- (b) Mengenai jumlah pampasan yang telah dibayar kepada waris mangsa nahas penerbangan MH17, jumlah tersebut adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang. Dalam hubungan ini, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah menawarkan bayaran pampasan pendahuluan (*Advance Compensation Payment - ACP*) dan Pakej Bantuan Krew (*Crew Assistance Package*) berjumlah

USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang dan anak kapal MH17. Tuntutan tersebut dijelaskan menggunakan insurans penerbangan MAB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA
SELATAN]**

SOALAN : 489

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) jumlah kutipan AES sejak ianya berkuatkuasa dan berapakah jumlah pengguna lebuh raya yang gagal menjelaskan saman ini; dan
- (b) statistik yang menunjukkan AES telah berjaya mengurangkan kemalangan di lebuh raya.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

- a) Sehingga 15 Mac 2016, jumlah kutipan saman AES yang telah diterima adalah sebanyak RM95,985,640.00 semenjak ianya mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 2,034,264 saman AES atau 85.4% masih belum diselesaikan.

- b) Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaan AES telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak 7 kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh 8 bulan.

Kajian MIROS juga menunjukkan secara purata, kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap AES telah meningkat dari 63% kepada 91%.

SOALAN (490)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sambutan hasil daripada menjalankan pengasingan sampah dan peratus sampah yang berjaya dikitar semula daripada sampah yang dikutip.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya sambutan yang positif telah diterima daripada terhadap program pengasingan sisa pepejal ini. Hasil semakan awal di lapangan sehingga 31 Januari 2016 mendapati bahawa sebanyak **271,954 (16%)** daripada keseluruhan 1.6 juta premis kediaman bertanah telah mengeluarkan barangan kitar semula untuk dikutip pada hari kutipan.

Program Ops Mata Hati juga turut dilancarkan bertujuan untuk mendidik masyarakat dan memberikan penerangan mengenai pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca kepada setiap penghuni premis bertanah. Operasi dilaksanakan di setiap taman bagi tujuan pemeriksaan tong untuk menentukan sama ada penghuni mengasingkan sisa pepejal atau tidak. **Surat Peringatan Mesra** akan diberikan kepada penghuni premis yang tidak mengasingkan sisa pepejal beserta risalah kaedah pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca serta penerangan oleh anggota penguatkuasa. Pada fasa ini penekanan yang diberikan adalah dalam aspek pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat tentang

Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca. Berdasarkan Ops Mata Hati yang dijalankan di lapangan daripada **278,592** premis bertanah yang telah diperiksa sepanjang September 2015 sehingga 31 Januari 2015, sebanyak **49,049 Surat Peringatan Mesra** telah dikeluarkan bagi mereka yang tidak melaksanakan pengasingan sisa pepejal.

Pada masa yang sama, inisiatif ini telah menarik minat masyarakat untuk berbincang dan mengetahui lebih mendalam mengenainya. Pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang giat menjalankan promosi, pendedahan dan pendidikan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan amalan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca di kalangan masyarakat. Oleh itu, sebelum penguatkuasaan dilaksanakan pada 1 Jun 2016, pihak Kementerian akan terus mempertingkatkan lagi promosi, pendidikan dan *engagement* melalui media cetak, media elektronik dan media sosial yang lebih agresif agar masyarakat memahami dan mengamalkan amalan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca di dalam kehidupan seharian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016